

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SWM KASIH CAHAYA DEEPAVALI CERIAKAN 30 PENERIMA KURANG BERNASIB BAIK**

---

**MELAKA, 27 OKTOBER 2021** – SWM Environment Sdn. Bhd (SWM Environment) meneruskan misi prihatin dengan menyumbang barangan makanan asas dan perlindungan diri kepada 30 penerima yang kurang bernasib baik sempena sambutan Deepavali tahun ini.

Program SWM Kasih juga adalah usaha bagi menghidupkan semangat bermasyarakat untuk membantu golongan sasaran dalam pelbagai bentuk dan pada kali ini mensasarkan Kuil Sri Suntharamoorthy Vinayagar iaitu rumah ibadat penganut agama Hindu yang bakal menyambut perayaan Deepavali tidak lama lagi.

“SWM Environment Melaka melalui program SWM Kasih Cahaya Deepavali adalah salah satu usaha mendekati masyarakat India khususnya yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Dengan sumbangan ini, diharap dapat memberi keceriaan kepada penerima dan seterusnya membantu mereka membuat persediaan bagi menyambut perayaan Deepavali.” kata Tuan Haji Mohd Norlisam Haji Mohd Nordin, Pengurus Besar Korporat SWM Environment.

SWM Environment juga sentiasa menggalakkan mana-mana rumah ibadah untuk mendaftar dengan KITARecycle dan seterusnya menjadi pusat sehati bagi pengumpulan bahan kitar semula oleh penduduk sekitar. Kuil Sri Suntharamoorthy Vinayagar turut didaftar di bawah KITARecycle iaitu sebuah program kitar semula oleh SWM Environment yang menawarkan mata ganjaran kepada ahlinya.

Melalui program KITARecycle ini membolehkan orang ramai melakukan ‘kitar semula sambil beramal’ dengan menyumbang bahan-bahan kitar semula kepada Kuil Sri Suntharamoorthy Vinayagar. Seterusnya, mata ganjaran yang diperoleh hasil sumbangan bahan-bahan kitar semula oleh orang ramai ini akan dimasukkan terus ke akaun KITARecycle Kuil Sri Suntharamoorthy Vinayagar.

Semoga sumbangan yang disampaikan melalui SWM Kasih dapat memberi keceriaan kepada penerima dan sedikit sebanyak membantu mereka membuat persediaan bagi menyambut perayaan Deepavali.

**-TAMAT-**



## **MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Puan Noor Che Wah Binti Ramli**

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : [wah.ramli@swmsb.com](mailto:wah.ramli@swmsb.com)